

Penggunaan Telefon Selular Di Malaysia

Laily Paim, Universiti Putra Malaysia
Mohd Fazli Sabri, Universiti Putra Malaysia
Jariah Masud, Universiti Putra Malaysia
Askiah Jamaluddin, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Pemilikan telefon bagi setiap seribu penduduk Malaysia telah meningkat daripada 118 unit pada tahun 1990 kepada 388 pada tahun 2000 disebabkan oleh peningkatan pemilikan telefon selular (Unit Perancang Ekonomi, 2002). Kajian ini bertujuan mengenalpasti penggunaan telefon selular yang merangkumi pemilikan, perbelanjaan dan amalan mengguna telefon selular. Populasi kajian adalah pengguna telefon selular di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Seramai 1,811 orang responden telah dikenalpasti secara persampelan bukan kebarangkalian (*convenient sampling*) melalui tugas kelas. Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik antara bulan Jun hingga Ogos 2005 dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Sebahagian besar responden adalah daripada Sabah (22.8%), Kelantan (22.2%), Sarawak (13.3%) dan Selangor (10.2%). Responden yang dikaji mewakili bandar (39.3%), kampung (36.1%) dan pekan (18.1%). Majoriti responden adalah daripada etnik Melayu diikuti dengan etnik lain terutamanya bumiputera. Seramai 57.4% responden telah berkahwin dan selebihnya (42.1%) bujang. Hasil kajian menunjukkan selain memiliki telefon selular, 62.6% responden juga memiliki telefon talian tetap. Purata bilangan telefon selular yang dimiliki oleh responden adalah 1.3 buah. Sebanyak 58.3% isirumah yang dikaji

menunjukkan ke semua ahli isirumah memiliki telefon selular dan hampir 30% responden mempunyai 60-80% ahli isirumah yang memiliki telefon selular. Purata bilangan ahli isirumah yang memiliki telefon selular adalah 3.31 orang. Bilangan ahli isirumah memiliki telefon selular adalah lebih tinggi di kalangan isirumah bandar (3.48 orang) dan isirumah metropolitan (3.33 orang) berbanding pekan (3.30 orang) dan kampung (3.15 orang). Dari segi penggunaan telefon selular menunjukkan responden lebih kerap menggunakannya untuk urusan personal berbanding urusan rasmi. Purata perbelanjaan untuk telefon selular adalah RM93.85 sebulan dan kaedah bayaran yang dipilih adalah prabayar berbanding bil. Kebanyakan responden mempunyai persepsi bahawa perbelanjaan telefon selular mereka adalah sederhana.

Pengenalan

Perkembangan pesat teknologi telah mengubah gaya hidup pengguna seluruh dunia termasuklah dalam aspek komunikasi. Telefon merupakan satu daripada alat komunikasi yang penting dalam kehidupan. Kini di pasaran terdapat pelbagai jenis, model dan jenama telefon yang berubah pantas hasil daripada kemajuan teknologi. Seperti yang dilaporkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2002) pemilikan telefon bagi setiap seribu penduduk Malaysia telah meningkat daripada 118 unit pada tahun 1990

